نشأة علم المنطق

١- اهتم أهل أثينا بالجدل والمناقشة من قلة العلم وإن كانوا معروفا بالذكاء.وكان ذلك في القرن الخامس قبل الميلاد.

٢- جاء السوفسطائيون.وكانت لهم تعاليم غريبة تقرر استحالة وجود مقياس للحق.

٣- أثبت سقراط أن حقائق الأشياء ثابتة : للخير حقيقة ثابتة وللشر حقيقة ثابتة.

٤- سمي أرسطو بالمعلم الأول لأنه وضع القواعد الضرورية في التفكير،.

٥- اهتم العرب بقوانين الفكر في العصر الأول العباسي، عصر الترجمة حيث دخل العرب مع من جاورهم من الأمم في حوار ونقاش ما كان يمس عقائدهم.

٦- وممن اشتهر بالترجمة والتأليف لهذا العلم : ابن المقفع والإمام الرازي والفاربي والرئيس ابن سينا وحجة الإسلام الغزالي.

٧- اهتم الغربيون بالمنطق، ومن أشهرهم : روجر بيكون، فرنسيس بيكون، إسحاق نيوتن.

Sejarah ilmu mantik / logik

☞ Penduduk Athen mengambil berat dengan ilmu perdebatan penghujahan kerana kurangnya ilmu sekalipun mereka terkenal dengan kepintaran.
☞ Perkara tersebut berlaku pada kurun kelima sebelum kelahiran nabi Isa a.s

☞ golongan Sufustaiyyun datang ke Athen, mereka mempunyai ajaran yang pelik yang menyatakan tidak ada ukuran untuk sesuatu kebenaran.

Socrates telah membuktikan bahawa hakikat sesuatu itu memang ada, hakikat kebaikan itu ada dan hakikat kejahatan itu juga ada.

Aristotle digelar pengasas ilmu Mantik.kerana beliau mebuat kaedah asas dalam berfikir.

Orang Arab mula mengambil berat tentang cara berfikir ini ialah pada zaman awal pemerintahan Abbasiah iaitu zaman penterjemahan yang mana bangsa Arab bergaul dengan bangsa-bangsa yang berjiran dengan negara mereka dan berlaku dialog dan perdebatan yang menyentuh kepercayaan mereka (yang menyebabkan mereka akan menggunakan ilmu mantik).

Antara tokoh yang terkenal dalam menterjemah dan mengarang ilmu ini ialah Ibnu Muqaffa', imam al Razi, al Farabi, Ibnu Sina dan imam al Ghazali.

Orang barat juga mengambil berat dengan ilmu mantik. Antara tokoh yang terkenal ialah Ruger Becon, Francis Becon, Ishak Newton.

مبادئ علم المنطق

١– تعريف علم المنطق: قوانين تعصم مراعاتها الذهن عن الخطأ في الفكر

٢– موضوعه : المعلومات التصورية والتصديقية، من حيث إنها يتوصل إلى مجهول تصوري وتصديقي.

٣– ثمرته / فائدته : عصمة الذهن عن الخطأ في الفكر.

٤– فضله : هو من أعظم العلوم فضلا لأنه أعمها نفعا.

٥– نسبته إلى غيره من العلوم : التباين

٦– واضعه : أرسطو

٧– اسمه : علم المنطق، معيار العلم، الميزان، وأشهرها الأول.

٨– استمداده : من العقل

٩– مسائله : القضايا النظرية والأقيسة وما يتعلق بها.

١٠– حكم الاشتغال به – ثلاثة أقوال:

القول الأول : تحريم – قول أبي عمر بن الصلاح، ومحي الدين النووي.

القول الثاني: استحباب – قول الإمام الغزالي.

القول الثالث: جواز.

Asas ilmu mantik

1- Pengertian ilmu mantik: iaitu Peraturan / kaedah-kaedah untuk memandu serta mengawal akal fikiran manusia daripada tersalah dan terpesong semasa berfikir.

2- Perbahasannya: Berkaitan Maklumat Tasawwuriah dan Tasdiqiah, (yang mana ianya dapat membantu seseorang untuk mengenal dan mendapat gambaran tentang sesuatu yang tidak diketahui atau membantu seseorang untuk mendapat kepastian tentang hakikat sesuatu yang belum pasti).

3- Objektifnya: Mengawal fikiran daripada tersalah semasa berfikir.

4- Kelebihannya: Ia merupakan antara ilmu yang mempunyai banyak kelebihan kerana faedahnya begitu banyak.

5- Nisbah ilmu ini berbanding dengan ilmu lain : Perbezaan (yang jelas)

6- Pengasasnya: Aristotle

7- Nama ilmu ini: Ilmu mantik, Pengukur ilmu, neraca segala ilmu, nama yang pertama itu yang paling dikenali.

8- Sumbernya: daripada akal / pemikiran

9- Permasalahannya: Sesuatu teori yang membincangkan bentuk sesuatu benda, kias dan perkara yang berkaitan dengannya.

10- Hokum mempelajarinya: ada tiga pendapat:

- Pendapat pertama: Haram mempelajarinya. Ini pendapat Abu Umar bin Solah dan Mahyudin an Nawawi.

- Pendapat kedua: Digalakkan mempelajarinya. Ini pendapat Hujjatul Islam al Ghazali.

- Pendapat ketiga: Harus mempelajari ilmu ini untuk membetulkan akal yang mengkaji al Quran dan sunnah yang mana dapat membezakan antara akidah yang betul dan yang salah.

أنواع العلم الحادث

١ – **تقييد العلم بالحادث** : يخرج علم الله تعالى لأنه منزه عن الاتصاف بالتصور أو التصديق لأنه قديم.

٢ – **التصور**: (إدراك المفرد) وهو حصول صورة الشيء في الذهن من غير حكم عليه بنفي أو إثبات.

مثل: مُحَمَّد، عالم الأزهر، فرس.

٣ – **التصديق**:

أ) **التصديق عند الحكماء** : هو الحكم. وهو إدراك أن النسبة واقعة أو ليست بواقعة. مثل : مُحَمَّد عالم

– (مُحَمَّد) المحكوم عليه و(عالم) المحكوم به و(نسبة العلم لمحمد) نسبة كلامية.

ب) **التصديق عند الإمام الرازي** : هو عبارة عن ادراك المحكوم عليه وإدراك المحكوم به وإدراك النسبة الكلامية وإدراك أن النسبة واقعة أو ليست بواقعة.

مثل : مُحَمَّد عالم / مُحَمَّد شاعر

– (مُحَمَّد) المحكوم عليه و(عالم) المحكوم به و(نسبة العلم لمحمد) نسبة كلامية.

.. نسبة واقعة أو ليست بواقعة

التصديق عند الحكماء: بسيط (ادراك المحكوم عليه وإدراك المحكوم به وإدراك النسبة الكلامية)

التصديق عند الإمام الرازي : مركب (الإدراكات الأربع وكل ادراك منها جزء منه)

Jenis-jenis Ilmu

Ilmu dikaitkan dengan "bersifat baharu" : maka tidak termasuk dalam perbahasan ilmu ini ialah ilmu Allah swt kerana ia suci dari bersifat dengan *tasawwur* atau *tasdiq* kerana ianya adalah qadim.

Ilmu terbahagi kepada *Tasawwur* dan *Tasdiq*:

Erti Tasawwur : mengetahui sesuatu benda tanpa apa-apa penetapan samada menetapkan atau menafikan.
Contoh: mengetahui tentang [Muhammad, ilmuan Azhar, kuda].

Erti Tasdiq :
1. Mengikut mazhab ahli pujangga : *Tasdiq* (penetapan) - mengetahui hubungan makna sesuatu perkataan itu benar-benar berlaku atau tidak, dengan syarat mengetahui *mahkum alaih* (subjek) dan *mahkum bih* (predikat) serta hubungan makna sesuatu perkataan dengan perkataan lain.

Contoh : Muhammad (M*ahkum alaih)* seorang ilmuan (*mahkum bih).*
Nisbah "ilmu" yang ada pada "Muhammad" ialah nisbah "gabungan dalam ayat".

2. Mengikut mazhab Imam Ar-Razi: *Tasdiq* ialah: Mengetahui *Mahkum 'alaih*[1], Mengetahui *Mahkum bih*[2], Mengetahui *nisbah hukum*[3] dan Mengetahui *nisbah ayat* (sama ada benar-benar berlaku atau tidak).

Contoh :
Muhammad (M*ahkum alaih)* seorang ilmuan (*mahkum bih).*
Nisbah "ilmu" yang ada pada "Muhammad" ialah nisbah "gabungan dalam ayat".

Tasdiq mengikut cendikiawan ialah Ayat mudah iaitu mengetahui *Mahkum 'alaih,* Mengetahui *Mahkum bih* dan Mengetahui *nisbah ayat*

Tasdiq mengikut imam ar Razi ialah Ayat yang terdiri dari empat pengetahuan

(i) ادراك المحكوم عليه ii) إدراك المحكوم به

(iii) إدراك النسبة الكلامية iv) إدراك أن النسبة واقعة أو ليست بواقعة

dan setiap pengetahuan ini merupakan satu bahagian daripadanya

[1] *Mahkum 'alaih* / Maudu' – subjek / persoalan utama yang hendak dijelaskan mengenainya.
[2] *Mahkum bih* / Mahmul – objek / predikat / perkhabaran kepada sesuatu benda.
[3] *Nisbah hukum* / Rabitah – perkataan yang menjadi penghubung di antara maudu' dan mahmul.

تقسيم العلم إلى ضروري ونظري

✍ ينقسم العلم (تصور أو تصديق) إلى ضروري ونظري.

فتكون الأقسام أربعة: ١) تصور نظري ٢) تصور ضروري

٣) تصديق نظري ٤) تصديق ضروري

١) **تصور نظري**: ما احتاج في تصوره إلى التأمل والفكر.

مثل: الإنسان – حقيقته هي حيوان ناطق.

٢) **تصور ضروري**: ما لا يحتاج في تصوره إلى فكر ونظر.

مثل: الحرارة أو البرود – بمجرد اللمس

٣) **تصديق نظري**: ما يتوقف الحكم فيه على فكر ونظر.

مثل: العالم متغير، وكل متغير حادث – العالم حادث.

٤) **تصديق ضروري**: ما لا يحتاج الحكم فيه إلى فكر ونظر.

مثل: الولد أصغر من أبيه، الكل أكبر من الجزء

تقسيم اللفظ إلى مركب ومفرد

١– المركب : اللفظ الذي دل جزؤه على جزء معناه دلالة مقصودة.

مثل : المجتهد ناجح

(المجتهد) المحكوم عليه، (ناجح) المحكوم به.

Pembahagian ilmu kepada *nadzari* dan *dharuri*

Ilmu iaitu *Tasawwur* dan *Tasdiq* terbahagi kepada *nadzari* dan *dharuri*, maka ilmu ini terdapat empat bahagian:

1) *Tasawwur Nadzari* 2) *Tasawwur Dharuri*
3) *Tasdiq Nadzari* 4) *Tasdiq Dharuri*

☞ *Tasawwur Nadzari* : Sesuatu yang memerlukan kepada kajian dan penelitian.
Contoh: Manusia – hakikatnya ialah haiwan yang boleh bertutur.

☞ *Tasawwur Dharuri* – Sesuatu yang tidak memerlukan kepada kajian dan penelitian.
Contoh : mengetahui *panas* atau *sejuk* - hanyalah dengan melalui sentuhan.

☞ *Tasdiq Nadzari* : Sesuatu yang mana penetapannya berdasarkan kepada kajian dan penelitian.
Contoh: Alam ini berubah, setiap yang berubah adalah baharu – Alam ini adalah baharu.

☞ *Tasdiq Dharuri* – Sesuatu yang mana penetapannya tidak berdasarkan kepada kajian dan penelitian.
Contoh : Anak itu lebih muda (usianya) daripada ayahnya. Keseluruhan itu lebih besar daripada satu bahagian.

Lafaz (Perkataan) terbahagian kepada *murakkab* dan *mufrad*

1- *Murakkab* ialah perkataan yang mana sebahagiannya menunjukkan makna sebahagian lain / *murakkab* ialah ayat lengkap.

Contoh :
Orang yang berusaha itu Berjaya
(Orang yang berusaha itu) ialah subjek manakala (Berjaya) ialah prediket

شرح التعريف :

– **اللفظ** : جنس يشمل جميع الألفاظ.

– **الذي دل** : يخرج اللفظ الذي لا دلالة له ك [ديز] مقلوب [زيد]

– **جزؤه** : يخرج اللفظ الذي لا جزء له، مثل : [ك] الخطاب

– **على جزء معناه** : يخرج اللفظ الذي به جزء ولكن لا يدل جزؤه على جزء معناه، مثل: الميم في [مُحَمَّد] لا تدل على جزء معنى [مُحَمَّد]

– **دلالة مقصودة** : يخرج الأعلام المركبة، مثل عبد الله.

٢– **المفرد** : اللفظ الذي لا يدل جزؤه على جزء معناه دلالة مقصودة

مثل : مُحَمَّد ، عبد الرحمن

أقسام المفرد باعتبار معناه

١– **الكلي** : ما صدق على كثيرين.

مثل : إنسان، حيوان.

– لفظ [إنسان] يصدق على كل فرد من أفراد الإنسان ك [مُحَمَّد]، [إبراهيم]

– لفظ [حيوان] يصدق على كل فرد من أفراد الإنسان والخيل والبغال

٢– **الجزئي** : ما لا يصدق على كثيرين

مثل : زكريا

تقسيم الكلي إلى ذاتي وعرضي

١– **الذاتي** : ما اندرج في الماهية وكان جزءا منها./ ما ليس خارجا عن الماهية.

مثل : [إنسان] – ماهيته [حيوان ناطق]

[حيوان] – جنس، [ناطق] – فصل، [إنسان] – نوع

Huraian takrif:

- [اللفظ] : jenis yang merangkumi semua perkataan

- [الذي دل] : tidak termasuk dalam takrif ini ialah perkataan yang tiada maknanya seperti [ديز] tulisan terbalik bagi perkataan [زيد].

- [جزؤه] tidak termasuk perkataan yang tidak boleh dibuat bahagian seperti [ك] ganti nama diri kedua.

- [على جزء معناه] tidak termasuk perkataan yang ada bahagian tetapi bahagian itu tidak ada makna apabila diasingkan, seperti huruf [م] pada perkataan [مُحَمَّد].

- [دلالة مقصودة] tidak termasuk kata nama khas yang terdiri dari dua perkataan seperti [عبد الله].

2- *Mufrad* ialah perkataan yang mana sebahagiannya tidak menunjukkan makna sebahagian lain / *mufrad* ialah ayat tidak lengkap.

Contoh :Perkataan [Muhammad], [Abdul Rahman]

***Mufrad* berdasarkan maknanya** terbahagi kepada :
1- *Kulli* : perkataan yang merangkumi banyak perkara / *kulli* ialah kata nama am

Contoh :Manusia, binatang.

Perkataan [manusia] boleh digunakan pada setiap individu manusia seperti [Muhammad], [Ibrahim].

Perkataan [binatang] boleh digunakan pada setiap daripada manusia, kuda dan baghal.

1- *Juz'i* : perkataan yang tidak merangkumi banyak perkara / *juz'i* ialah kata khas

Contoh : Zakaria

Kulli terbahagi kepada *zaati dan aradhi*
1- *Zaati* ialah perkataan yang termasuk dalam hakikat sesuatu dan ia merupakan satu bahagian daripanya. / *Zaati* ialah sesuatu yang tidak keluar dari hakikatnya.
Contoh : [manusia] – hakikatnya ialah – [binatang yang boleh bertutur].
[binatang] ialah *Jins* , [bertutur] ialah *fasal* dan [manusia] ialah *Nau'.*

٢- **عرضي** : ما كان خارجا عن الماهية.

مثل : الإنسان حيوان ضاحك وماشي

[ضاحك] – عرض خاص، [ماشي] – عرض عام.

الكليات الخمس

مثل : الإنسان حيوان ناطق ضاحك ماشي

أ) تمام الماهية	١- نوع	مثل : الإنسان
ب) جزء الماهية	٢- جنس	مثل : حيوان
	٣- فصل	مثل : ناطق
ج) عرض للماهية	٤- عرض خاص	مثل : ضاحك
	٥- عرض عام	مثل : ماشي

١- **الجنس**

الجنس : كلي صادق على كثيرين مختلفين بالحقيقة في جواب [ما هو ؟]

مثل(١) : [حيوان] – يصدق على [الإنسان، الفرس]

– إذا سئل : ما هو الإنسان ؟

– كان الجواب : حيوان.

مثل(٢) : [جسم] – يصدق على [الجسم النامي كالحيوان، النبات] و [غير النامي كالحجر، الحديد]

– إذا سئل : ما هو الحيوان ؟

– كان الجواب : جسم

2- *Aradhi* ialah perkataan yang di luar dalam hakikat sesuatu.

Contoh :
[manusia ialah binatang yang ketawa dan berjalan].
- [ketawa] ialah *Aradh Khas* , [berjalan] ialah *Aradh Am.*

KULLIYAT KHAMS
Contoh:
Manusia ialah binatang yang ketawa dan berjalan

a) Hakikat sesuatu	i- *Nau'*	manusia
b) Satu bahagian dari hakikat sesuatu	ii- *Jins*	binatang
	iii- *Fasl*	bertutur
c) Sifat luaran bagi sesuatu	iv- *Aradh Khas*	ketawa
	v- *Aradh Am*	berjalan

1- Jins
Jins ialah *Kulli (*kata nama am) yang merangkumi banyak perkara yang berlainan hakikatnya, bagi jawapan kepada soalan [apakah hakikatnya?].

Contoh 1 :

[Haiwan] – meliputi – [manusia, kuda]

- Apabila ditanya apakah hakikat manusia ?
- Jawapannya : jenis haiwan

Contoh 2 :

[Jisim] – meliputi – [jisim yang berkembang seperti haiwan, tumbuhan] dan [jisim yang tidak berkembang seperti batu, besi]

- Apabila ditanya : Apakah hakikat haiwan ?
- Jawapannya :Jenis jisim

شرح التعريف :

- **صادق على كثيرين مختلفين بالحقيقة** : يخرج (النوع كالإنسان)
- **في جواب [ما هو ؟]** : يخرج (العرض العام) ويخرج (الفصل) و (العرض الخاص) لأنهما في جواب [أي شيء هو ؟]

أقسام الجنس

١- **الجنس القريب** : ما لا جنس تحته، وفوقه أجناس.

مثل : حيوان – تحته [أنواع : إنسان، فرس]، وفوقه [أجناس : جسم ، نام]

٢- **الجنس البعيد** : ما تحته أجناس، وليس فوقه جنس

مثل : جوهر – تحته [أجناس : جسم ، نام] وليس فوقه جنس.

٣- **الجنس الوسيط** : ما فوقه جنس وتحته جنس

مثل : نامي – فوقه [جنس : جسم] وتحته [جنس : حيوان، نبات]

٢- الفصل

الفصل : جزء الماهية الصادق عليها في جواب [أي شيء هو في ذاته؟].

مثل : صاهل

- إذا سئل عن الفرس : أي شيء هو في ذاته؟

كان الجواب : صاهل

Huraian Takrif :

[صادق على كثيرين مختلفين بالحقيقة] tidak termasuk dalam takrif ini ialah *Nau'* seperti perkataan "manusia".

[في جواب (ما هو ؟)] tidak termasuk [*Aradh Am*], juga keluar dari takrif ini [*Fasl*] dan [*Aradh Khas*] kerana kedua-duanya pada jawapan kepada soalan (manakah hakikat sesuatu itu?)

Bahagian *Jins*

1- *Jins Qarib* (*Jins* yang paling rendah) : di bawahnya tidak terdapat apa-apa Jins lagi dan di atasnya terdapat beberapa *Jins*.

Contoh :
Perkataan (haiwan) – di bawahnya - [*Nau'* : iaitu manusia, kuda] dan di atasnya [*Jins* : iaitu jisim secara umum, jisim yang berkembang)

2- *Jins Baid* (*Jins* yang paling tinggi) : di bawahnya terdapat beberapa Jins tetapi di atasnya tidak terdapat *Jins* lagi.

Contoh :
Perkataan (*Jauhar* – zat sesuatu) – di bawahnya - [*Jins* : iaitu jisim umum, jisim yang berkembang] dan tidak ada di atasnya *Jins*

3- *Jins Wasit* (*Jins* yang pertengahan) : di atasnya terdapat beberapa *Jins* dan di bawahnya juga terdapat beberapa *Jins*.

Contoh :
Perkataan (jisim yang berkembang) – di atasnya - [*Jins* : iaitu jisim secara umum) di bawahnya - [*Jins* : iaitu manusia, tumbuhan]

2. FASL
Fasl ialah satu bahagian zat yang menepati, bagi jawapan kepada soalan [manakah hakikat sesuatu itu?].

Contoh : suara ringkikan kuda

- Apabila ditanya tentang kuda : manakah hakikat perkara ini ?
- Jawapannya : ia jenis suara ringkikan

أقسام الفصل :

١ – **الفصل القريب** : ما يميز الشيء عن جنسه القريب.

مثل : ناطق

– جنس الإنسان القريب : حيوان (ناطق وصاهل) — الفصل هو ناطق.

٢ – **الفصل البعيد** : ما يميز الشيء عن جنسه البعيد.

مثل : نامي.

–جنس الإنسان البعيد : نامي (الحساس كالحيوان وغير الحساس كالنبات) — الفصل هو حساس.

كلمة [حساس] – إذا وقعت في جواب [ما هو؟] كانت جنسا،

– إذا وقعت في جواب [أي شيء هو؟] كانت فصلا.

٣– العرض العام

العرض العام : الكلي الخارج عن الماهية الصادق عليها وعلى غيرها.

مثل : الماشي — يصدق على الإنسان والفرس والجمل

شرح التعريف :

الكلي الخارج عن الماهية الصادق عليها وعلى غيرها :

يخرج الجنس والنوع والفصل الصادق عليها وعلى غيرها يخرج الخاصة.

Bahagian *Fasl*

1- *Fasl Qarib* : ialah ciri yang membezakan (hakikat) sesuatu itu dengan sesuatu lain daripada *Jins Qarib.*

Contoh : sifat bertutur
Jins Qarib bagi perkataan [manusia] ialah [haiwan – yang bertutur / meringgik]. Maka *Fasl* bagi manusia ialah yang bertutur.

2- *Fasl Baid* : ialah ciri yang membezakan (hakikat) sesuatu itu dengan sesuatu lain daripada *Jins Qarib.*

Contoh : sifat bertutur
Jins Baid bagi perkataan [manusia] ialah [yang berkembang – yang mempunyai perasaan seperti haiwan / yang mempunyai perasaan seperti tumbuhan]. Maka *Fasl* bagi manusia ialah yang mempunyai perasaan.

Perkataan [حساس — yang mempunyai perasaan]

- apabila ia berada pada jawapan bagi soalan : apakah hakikat sesuatu itu? Maka ia adalah *Jins.*
- apabila ia berada pada jawapan bagi soalan : manakah hakikat sesuatu itu? Maka ia adalah *Fals.*

3. ‘Arad Am

‘Arad Am ialah lafaz kulli yang luar dari hakikat sesuatu yang boleh dikatakan untuknya dan untuk perkara lain.

Contoh:
(Berjalan) – boleh digunakan untuk manusia, kuda dan unta.

Huraian takrif:

(lafaz kulli yang luar dari hakikat sesuatu yang boleh dikatakan untuknya dan untuk perkara lain) – tidak termasuk bentuk ini ialah jins, nau’ dan fasl.

(yang boleh dikatakan untuknya dan untuk perkara lain) - tidak termasuk bentuk ini ialah khas

العرض قسمان :

١) لازم : مثل : الماشي بالقوة

(الطفل الصغير الذي لا يمشي، يعتبر ماشيا بالقوة – بمعنى أنه من شأنه أن يمشي وامتناع المشي لعارض.)

٢) مفارق : مثل الماشي بالفعل

(يمارس الإنسان المشي فعلا، فإذا تعب من السير مثلا جلس فقد فارقه المشي بالفعل)

'Ard Am terbahagi dua :

1- Lazim
Contoh : sifat boleh berjalan secara andaian
(Budak kecil yang tidak boleh berjalan, ianya dianggap boleh berjalan secara andaian – bermaksud keadaan / sifat asalnya boleh berjalan tetapi ia tidak dapat berjalan ketika kecil kerana sesuatu halangan)

2- Mufariq
Contoh: sifat berjalan secara langsung
(Manusia berjalan setiap hari, apabila letih berjalan maka ia duduk (tidak berjlan). Ini menghentikan sifat boleh berjalan secara langsung tersebut.

القضايا وأحكامه

القضية : قول يحتمل الصدق والكذب لذاته،

مثل: [زيد كاتب]، [كل انسان حيوان]، [الوردة نبات]، [المعدن موصل للحرارة]، [فهم الطلاب دروسه].

شرح التعريف:

☜ (يحتمل الصدق والكذب) يخرج ما لا يحتمل صدقا ولا كذبا كالإنشائيات،

مثل : اجتهد ، لا تهمل.

☜ (لذاته) يخرج ما يحتمل الصدق والكذب للازمه،

مثل : اسقني

– كلمة (اسقني) لا تستلزم صدقا وكذبا لأن مستلزمها طلب السقيا.

– وإن طلب السقيا يلزم منه (أنا عطشان) وهو اللازم يحتمل الصدق والكذب.

(لذاته) تدخل الأخبار المقطوع بصدقها كأخبار الله ورسوله، والأخبار المقطوع بكذبها كقول مسيلمة:"أنا نبي" وقول فرعون : "أنا ربكم الأعلى".

Qadiyah dan hukum-hukumnya

Pengertian Qadiyah : Sesuatu susunan kata dan ucapan yang boleh membawa kemungkinan betul atau palsu dengan dilihat kepada kenyataan yang dibuat itu sahaja.

Contoh : i) Zaid seorang penulis,
ii) semua manusia adalah haiwan,
iii) bunga adalah tumbuhan,
iv) logam berkembang dengan kepanasan/logam adalah pengalir haba,
v) pelajar memahami pelajarannya.

Huraiannya:

☃ [يحتمل الصدق والكذب] – maka terkeluarlah daripada takrif ini: Sesuatu susunan kata dan ucapan yang tidak boleh membawa kemungkinan betul atau palsu seperti *ayat insyaiyah*, contoh : berusahalah, jaga sia-siakan.

☃ *[لذاته]*– maka terkeluarlah daripada takrif ini: Sesuatu susunan kata dan ucapan yang boleh membawa kemungkinan betul atau palsu kerana sebab-sebab tertentu. Contoh: Berilah aku minum!

- Perkataan [اسقني] tidak memberi maksud betul atau palsu kerana asasnya ialah minta diberi minum.
- Minta diberi minum itu hasil daripada "saya dahaga".
- "Saya dahaga" itu adalah sebab yang boleh membawa kemungkinan betul atau palsu.

☃ *[لذاته]* – maka termasuk juga dalam takrif ini: ungkapan yang jelas kebenarannya, seperti kalam Allah dan Rasulnya. Begitu juga ucapan yang memang jelas dustanya seperti kata-kata Musaimah: Saya seorang nabi" dan kata-kata Firaun: Saya adalah tuhan kamu yang paling tinggi".

أسماء القضية

القضية تسمى:

١ – **دعوى** : إذا افتقرت إلى دليل

٢ – **مطلوبا** : عند شروع في الاستدلال عليها

٣ – **مقدمة** : إذا كانت جزء دليل

٤ – **نتيجة** : إذا أنتجها الدليل

مثال : ''العالم حادث''،

– هذه القضية إذا احتجت إلى دليل يثبتها سميت (دعوى)،

– عندما نشرع في الاستدلال عليها فنقول: ''العالم متغير وكل متغير حادث'' سميت (مطلوبا).

– إذا كانت جزءا من الدليل:''العالم متغير'' سميت (مقدمة)،

– إذا أنتجها الدليل : ''العالم حادث'' سميت (نتيجة).

Nama-nama Qadiah

Qadiah dinama juga sebagai:

i) *Dakwa*- apabila memerlukan dalil/bukti

ii) *Matlub* – ketika mula mencari dalil

iii) *Muqaddimah*- sekiranya ia sebahagian daripada dalil

iv) *Natijah*- apabila telah menghasilkan dalil

Contoh:
[*Dunia ini baharu*]

- pernyataan ini apabila ia memerlukan dalil yang mensabitkannya maka dinamakan *Dakwa*,

- ketika mula mencari dalilnya: *Alam ini berubah dan setiap yang berubah itu adalah baharu* ini dinamakan *Matlub*,

- sekiranya ia sebahagian daripada dalil itu : *Alam ini berubah* dinamakan *Mukaddimah*,

- apabila ianya menghasilkan dalil tersebut ia dinamakan *Natijah* : "*Alam ini baharu*".

Bahagian Qadiah

Qadiah terbahagi kepada dua bahagian: *Syartiyah* dan *Hamliyah*

Takrif Qadiah Hamliah :

Sesuatu ayat yang mana kedua-dua bahagiannya (subjek dan predikat) adalah bentuk mufrad atau yang menepati makna mufrad.

- dimaksudkan dengan *mufrad* iaitu bentuk bukan ayat .

Contoh ayat (subjek dan predikatnya) berbentuk tunggal : 'Muhammad seorang yang berilmu'.

Contoh ayat (subjek dan predikatnya) yang menepati bentuk mufrad : 'Muhammad iaitu bapanya sedang berdiri'. Ayat ini menepati makna ayat : "Muhammad yang mana ayahnya sedang berdiri".

Bahagian Qadiyah Hamliah berdasarkan maudu'nya:

a) Sesuatu kenyataan yang mana maudu'nya berbentuk umum dan menyeluruh (*Maudu'*nya *Kulli),*

contoh:
Manusia itu sepsis haiwan – maudu' ayat ini (manusia) iaitu *Mahkum 'alaih* memberi maksud ramai maka ia adalah bentuk kulli, ini sama ada:

- disertakan dengan *sur kulli,*
contoh: setiap manusia itu adalah binatang.

- disertakan dengan *sur juz'i,*
contoh: sebahgian manusia itu adalah binatang.

- tidak disertakan dengan apa-apa *sur,*
contoh: manusia itu adalah binatang.

b) sesuatu kenyataan yang mana Maudu'nya merupakan perkara yang ditentukan,
contoh: Muhammad seorang penyair.
* Dinamakan Syakhsiah kerana maudu'nya telah ditentukan.

أقسام القضايا

القضايا قسمان: الشرطية، حملية.

١. القضية الحملية

تعريف الحملية

القضية الحملية هي ما كان طرفاها مفردين أو في قوة المفردين.

– المراد بـ المفرد : ما ليس جملة.

مثل ما كان طرفاها مفردين: "مُحَمَّد عالم"

مثال ما كان طرفاها في قوة المفردين:"مُحَمَّد قام أبوه" فإنه في قوة :"مُحَمَّد قائم الأب".

أقسام القضية الحملية باعتبار موضوعها:

أ) **ما موضوعها كلي،**

مثل: الإنسان حيوان – موضوع هذه القضية (إنسان) وهو محكوم عليه مقول على كثيرين، فيكون كليا.

– **ما موضوعها كلي** : ١) مسورة بالسور الكلي، مثل: كل إنسان حيوان
٢) مسورة بالسور الجزئي، مثل: بعض الحيوان إنسان
٣) مهملة من السور، مثل: الإنسان حيوان

ب) **ما موضوعها شخص معين،**

مثل: مُحَمَّد شاعر – وتسمى شخصية لتشخيص موضوعها.

القضايا الحملية أربعة أقسام وكل قسم منها إما موجب وإما سالب فتكون الأنواع ثمانية[4]:

١– شخصية: ما موضوعها معين وشخصي.

مثل : ١) مُحَمَّد شاعر — (شخصية موجبة)

٢) ليس علي بفقيه — (شخصية سالبة)

٢– كلية : ما موضوعها كلي، وبها ما يدل على شمول الحكم لجميع الأفراد.

مثل : ١) كل إنسان حيوان – (كلية موجبة)

٢) لا شيء من الحيوان بحجر – (كلية سالبة)

٣– جزئية: ما موضوعها كلي، وبها ما يدل على شمول الحكم على بعض الأفراد.

مثل : ١) بعض الإنسان مخترع – (جزئية موجبة)

٢) بعض الحيوان ليس بصاهل – (جزئية سالبة)

٤– مهملة : ما موضوعها كلي، وليس فيها ما يدل على كمية الأفراد كلا أو بعضا.

مثل : ١) الإنسان حيوان – (مهملة موجبة)

٢) الحيوان ليس بحجر – (مهملة سالبة)

السوار وأقسامه

السور هو اللفظ الدال على كمية أفراد الموضوع كلا أو بعضا.

أقسامه أربعة: ١) سور كلي موجب، ٣) سور كلي سالب،

٢) سور جزئي موجب، ٤) سور جزئي سالب.

[4] Lihat m/s 15 (huraiannya)

Qadiyah Hamliah terdapat empat bahagian setiap bahagian ada [موجب] atau [سالب], maka jumlahnya 8 bahagian:

1- *Syakhsiah* – sesuatu kenyataan yang mana Maudu'nya merupakan perkara yang ditentukan, iaitu kata nama khas seperti nama orang, kata ganti nama.
Contoh:

i) Muhammad seorang penyair *(syakhsiah mujabah)*
ii) Bukanlah Ali itu seorang yang berilmu *(syakhsiah salibah)*

2- *Kulliah* - sesuatu kenyataan yang mana maudu'nya berbentuk umum dan ia menunjukkan maksud ayat itu merangkumi keseluruhan unsur yang terdapat di dalamnya.
Contoh:

i) Setiap manusia itu adalah jenis binatang *(kulliyah mujabah)*
ii) Tidak ada seekor binatang pun jenis batu *(kulliyah salibah)*

3- *Juziyyah* - sesuatu kenyataan yang mana *maudu'*nya berbentuk umum, dan ia menunjukkan maksud ayat itu merangkumi sebahagian unsur yang terdapat di dalamnya.
Contoh:

i) Sebahagian manusia itu pencipta (sesuatu) *(juziyyiah mujabah)*
ii) Sebahagian binatang itu bukanlah jenis merenggek *(juziyyiah salibah)*

4- *Muhmalah* - sesuatu kenyataan yang mana *maudu'*nya berbentuk umum, menyeluruh dan ia tidak menunjukkan jumlah unsur tersebut sama ada keseluruhan atau sebahagiannya.
Contoh:

i) Manusia itu jenis binatang *(syakhsiah mujabah)*
ii) Binatang itu bukan jenis batu *(syakhsiah salibah)*

Sur dan Bahagian-bahagiannya

Sur adalah perkataan yang menunjukkan bilangan pada *maudu'* sama ada kesemuanya atau sebahagiannya.

Sur ada empat bahagian:

i) Sur Kulli Ijabi
ii) Sur Juz'i Ijabi
iii) *Sur Kulli Salbi*
iv) Sur Juz'i Salbi

١) السور الكلي الموجب :

هو اللفظ الدال على الإحاطة بجميع الأفراد في الإيجاب.

مثل : كل / جميع / عامة

(كل إنسان ناطق) – قضية كلية موجبة

٢) السور الجزئي الموجب:

هو اللفظ الدال على الإحاطة ببعض الأفراد في الإيجاب.

مثل : بعض / معظم / غالب

(بعض الطلبة فاهمون) – قضية موجبة جزئية

٣) السور الكلي السالب:

هو اللفظ الدال على الإحاطة بجميع الأفراد في السلب.

مثل : لا شيء / لا أحد

(لا أحد من الطلاب براسب) – قضية سالبة كلية

٤) السور الجزئي السالب :

هو اللفظ الدال على الإحاطة ببعض الأفراد في السلب.

مثل : ليس بعض / ليس كل / ليس جميع

(بعض الحيوان ليس بإنسان) – قضية سالبة جزئية

(ليس كل حيوان إنسان) – قضية سالبة جزئية

i) Sur Kulli Ijabi

perkataan yang merangkumi semua afrad (perkara) dalam bentuk ijab (ayat biasa)

contoh : Kul (setiap), jami' (semua), 'ammah (keseluruhan)

[Setiapmanusia boleh bertutur] – ini ayat berbentuk Kulli mujabah.

ii) *Sur Juz'i Ijabi*

perkataan yang merangkumi sebahagian afrad (perkara) dalam bentuk ijab (ayat biasa)

contoh : Ba'd (sebahagian), Mu'zam (sebahagian besar), Ghalib (kebiasaannya)

[Sebahagian pelajar itu faham] – ini ayat berbentuk mujabah. Juz'iyyah

iii) Sur Kulli Salbi

perkataan yang merangkumi semua afrad (perkara) dalam bentuk salbi (ayat nafi)

contoh : La syai' (tidak ada apa pun), La ahad (tidak ada satu pun)

[Tidak ada seorang pun pelajar itu gagal] – ini ayat berbentuk Salibah Kulliyyah.

iv) Sur Juz'i Salbi

perkataan yang merangkumi sebahagian afrad (perkara) dalam bentuk salbi (ayat nafi)

contoh : Laisa Ba'd (bukan sebahagian), Laisa kul (bukan semua), Laisa jami'(bukan seluruhnya)

[Sebahagian bintang itu adalah bukan manusia] – ini ayat berbentuk salibah juziyyah.

[Bukanlah semua bintang itu adalah manusia] – ini ayat berbentuk salibah juziyyah.

القضايا الحملية تنقسم إلى أربعة أقسام، وكل قسم منها إما موجب وإما سالب فتكون الأنواع **ثمانية** :

١- **شخصية موجبة** : ما موضوعها شخصي وحكم فيها بالإثبات.

مثل : مُحَمَّد شاعر

٢- **شخصية سالبة** : ما موضوعها شخصي وحكم فيها بالنفي.

مثل : ليس علي بفقيه

٣- **كلية موجبة** : ما موضوعها كلي، وفيها ما يدل على الإحاطة بجميع الأفراد في الإيجاب. مثل : كل إنسان حيوان

٤- **كلية سالبة** : ما موضوعها كلي، وفيها ما يدل على الإحاطة بجميع الأفراد في السلب. مثل : لا شيء من الحيوان بحجر

٥- **جزئية موجبة** : ما موضوعها كلي، وذكر فيها ما يدل على الإحاطة ببعض الأفراد إيجابا. مثل : بعض الإنسان مخترع

٦- **جزئية سالبة** : ما موضوعها كلي، وذكر معها ما يدل على الإحاطة ببعض الأفراد سلبا. مثل : بعض الحيوان ليس بصاهل

٧- **مهملة موجبة** : ما موضوعها كلي، ولم يذكر فيها ما يدل على كمية الأفراد كلا أو بعضا في الإيجاب. مثل : الإنسان حيوان

٨- **مهملة سالبة** : ما موضوعها كلي، ولم يذكر فيها ما يدل على كمية الأفراد كلا أو بعضا في السلب. مثل : الحيوان ليس بحجر

Qadiah Hamliyah terbahagi kepada empat bahagian dan setiapa bahagian terdapat mujab (berbentuk ayat biasa) dan Salib (berbentuk ayat nafi). Maka semuanya terdapat lapan bentuk.

1- Syakhsiyah Mujabah :
Maudu' (subjek) adalah berbentuk syakhsi (tertentu) dan dihukumkan dengan isbat (menyatakan keadaannya)
Contoh : Muhammad itu seorang penyair

2- Syakhsiyyah Salibah
Maudu' (subjek) adalah berbentuk syakhsi (tertentu) dan dihukumkan dengan nafi (menafikan keadaannya)
Contoh : bukanlah Ali itu seorang yang alim

3- Kulliyyah Mujabah
Maudu' (subjek) adalah berbentuk kulli (keseluruhan) dan ia merangkumi semua perkara dalam bentuk ijab (ayat biasa)
Contoh : Setiap manusia itu adalah haiwan

4- Kulliyyah Salibah
Maudu' (subjek) adalah berbentuk kulli (keseluruhan) dan ia merangkumi semua perkara dalam bentuk salbi (ayat nafi)
Contoh : Tidak ada satupun haiwan itu batu

5- Juziyyah Mujabah
Maudu' (subjek) adalah berbentuk kulli (keseluruhan) dan ia merangkumi sebahagian perkara dalam bentuk ijab (ayat biasa)
Contoh : Sebahagian manusia itu adalah pereka / pencipta

6- Juziyyah Salibah
Maudu' (subjek) adalah berbentuk kulli (keseluruhan) dan ia merangkumi sebahagian perkara dalam bentuk salbi (ayat nafi)
Contoh : Sebahagian binatang itu adalah merenggek (bunyi suara kuda)

7- Muhmalah Mujabah
Maudu' (subjek) adalah berbentuk kulli (keseluruhan) dan tdak disebut bilangan perkara itu sama ada kulli (keseluruhan) atau Ba'd (sebahagian) dalam bentuk ijabi (ayat biasa)
Contoh : Manusia itu adalah haiwan

8- Muhmalah Salibah
Maudu' (subjek) adalah berbentuk kulli (keseluruhan) dan tdak disebut bilangan perkara itu sama ada kulli (keseluruhan) atau Ba'd (sebahagian) dalam bentuk salbi (ayat nafi)
Contoh : Manusia itu adalah bukan batu

أجزاء القضية الحملية

تتركب القضية الحملية من ثلاثة أجزاء : محكوم عليه (الموضوع) ومحكوم به (المحمول) والنسبة الواقعة بينهما (النسبة).

١. الموضوع : إنه وضع ليحكم عليه بشيء، ورتبته التقديم وإن ذكر آخرا.

– (المبتدأ ، الفاعل ، نائب الفاعل)

مثل: مُحَمَّد عالم / قام علي / ضُرِبَ الفَأْرُ

٢. المحمول : إنه حمل على الموضوع، ورتبته التأخير وإن ذكر أولا.

– (الخبر ، الفعل)

مثل: مُحَمَّد ناجح / نجح مُحَمَّد.

٣. الرابطة : النسبة الواقعة بين الموضوع والمحمول.

* الرابطة: :— أ) زمانية إذا كانت فعلا، مثل : مُحَمَّد كان عالما

ب) غير زمانية إن كانت اسما، مثل: مُحَمَّد هو عالم

Rukun Qadiyah Hamliah

Qadiyah Hamliah tersusun daripada *Mahkum 'alaih (Maudu'), Mahkum bih (Mahmul)* dan *nisbah yang mengaitkan antara keduanya (nisbah kalamiyah).*

1- Maudu' : perkara lain akan menjelaskan hakikatnya. Kedudukan asalnya dalam ayat ialah di awal ayat sekalipun disebut di akhir ayat.
(Bagi ahli tatabahasa Arab, ianya disebut sebagai *Mubtada', Fa'il, Naib Fa'il*[5])

Contoh:
'Muhammad seorang yang alim' , 'Ali berdiri', "Tikus itu dipukul".[6]

2- Mahmul : ia menjelaskan tentang *maudu'* . Kedudukan asalnya dalam ayat ialah di akhir ayat sekalipun disebut di awal ayat.
(Bagi ahli tatabahasa Arab, ianya disebut sebagai *Khabar, Fe'il*[7])

Contoh:
'Muhammad berjaya' / 'Muhammad telah berjaya'.[8]

3- Rabitah adalah perkataan yang menjadi penghubung di antara *Maudu'* dan *Mahmul.* Ia adalah nisbah yang mengaitkan antara keduanya

Bahagian Rabitah

Rabitah adalah perkataan yang menjadi penghubung di antara *Maudu'* dan *Mahmul.*

1- Berkait dengan masa : Perkataan yang menjadi penghubung adalah kata kerja
Contoh: Muhammad telah menjadi seorang yang alim

2- Tidak berkait dengan masa : Perkataan yang menjadi penghubung adalah kata nama.
Contoh: Muhammmad adalah seorang yang berilmu.

[5] *Mubtada'* – subjek (persoalan yang hendak dijelaskan mengenainya)
Fa'il – pembuat/pelaku dalam ayat.
Naib fa'il – penganti kepada pembuat/pelaku dalam ayat.
[6] Perkataan "Ali" merupakan Maudu'/subjek utama yang ingin dikemukakan oleh orang yang berkata demikian.
[7] *Khabar* – predikat, *Fe'il* – kata kerja
[8] Perkataan "berdiri" merupakan *Mahmul*(perkhabaran tentang *subjek* – Ali).

٢- القضية الشرطية

تعريف الشرطية: ما حكم فيها بالربط بين طرفيها

مثل :

أ) إن كان هذا إنسانا كان حيوانا — (الربط بين طرفيها : التصاحب).

ب) إما أن يكون هذا الشيء أبيض أو أخضر — (الربط بين طرفيها : العناد).

أقسام القضية الشرطية

تنقسم القضية الشرطية إلى : ١) شرطية متصلة ٢) شرطية منفصلة.

١) الشرطية المتصلة

الشرطية المتصلة : هي التي أوجبت تصاحب الجزأين سواء كان هذا التصاحب على وجه اللزوم أو كان التصاحب لمجرد الاتفاق.

الشرطية المتصلة تنقسم إلى قسمين:

١- **شرطية متصلة لزومية** : هي التي حكم فيها بصدق القضية على تقدير صدق قضية أخرى لعلاقة توجب ذلك كالسببية، والمسببية، والتضايف.

مثل: إن كانت الشمس طالعة كان النهار موجودا

— [طلوع الشمس] سبب في [وجود النهار]..

٢- المتصلة الاتفاقية : هي التي حكم فيها بصدق القضية على تقدير صدق قضية اخرى لا لعلاقة بل لمجرد الاتفاق.

مثل: إن كان الفرس صاهلا فالحمار ناهق

— لاعلاقة بين [صهيل الفرس] و [نهيق الحمار] وإنما بمجرد الاتفاق.

Qadiyah Syartiyah

Takrif *Qadiyah Syartiyah* **:** Kenyataan yang dihukumkan (kebenarannya) dengan hubung kait di antara dua bahagiannya.

Contoh:
a) Sekiranya ini adalah manusia, maka ia adalah binatang
- maksud kaitan antara dua bahagiannya adalah memberi makna yang sama.

b) Sama ada benda ini berwarna putih atau hijau
- maksud kaitan antara dua bahagiannya adalah memberi makna yang berlawanan.

Bahagian *Qadiyah Syartiyah*
Qadiyah Syartiyah terbahagi kepada:
1) *Syartiyah Munfasilah*
2) Syartiyah muttasilah

Qadiyah Syartiyah Muttasilah

Qadiyah Syartiyah Muttasilah : Sesuatu Qadiyah (kenyataan) yang ada hubungkait dua rukunnya samada hubungan itu secara melazimi atau tidak bahkan hubungan tersebut secara kebetulan.

Qadiyah Syartiyah Muttasilah terbahagi kepada dua bahagian:

1- Syartiyah Muttasilah Luzumiah – kenyataan yang dihukumkan kebenarannya dengan berdasarkan kepada kenyataan lain kerana hubungan yang melazimi seperti *sababiyah, musabbababiyah dan Tadayuf*[9].

Contoh:
"Sekiranya matahari terbit maka siang pun menjelang"
– terbit matahari itu adalah sebab wujudnya siang.

2-- Syartiyah Muttasilah Ittifaqiyah – kenyataan yang dihukumkan kebenarannya dengan berdasarkan kepada kenyataan yang lain bukan kerana hubungan secara melazimi bahkan secara kebetulan.
Contoh:
Sekiranya kuda boleh bersuara maka keldai juga boleh bersuara
- tidak ada kaitan antara suara kuda dan keldai tetapi ianya secara kebetulan.

[9] *Tadayuf* – ikatan di antara muqaddam dan tali yang bererti kewujudan pertama memastikan kewujudan yang kedua seperti kebapaan, persaudaraan.

أجزاء الشرطية المتصلة

تتركب الشرطية المتصلة من :

١. المقدم : ما رتبته التقديم وإن ذكرا آخرا.

٢. التالي : ما رتبته التأخير وإن ذكرا أولا.

مثل: ١) إن كانت الشمس طالعة كان النهار موجودا

المقدم	التالي
الشمس طالعة	النهار موجودا

– المقدم متقدم لفظا ورتبة

٢) إن كان النهار موجودا كانت الشمس طالعة

التالي	المقدم
النهار موجودا	الشمس طالعة

– المقدم متأخر لفظا متقدم رتبة

– التالي متقدم لفظا لا رتبة

Rukun Qadiyah Syartiyah:

Qadiyah Syartiyah mempunyai tiga rukun:

1. *Muqaddam*:: rukun pertama (dalam ayat) walaupun di sebut di akhir ayat.

2. *Tali* : rukun yang berada di akhir (dalam susunan ayat) sekalipun disebut pada awal ayat.

Contoh:

i) Sekiranya matahari terbit maka siang akan menjelang /
ii) sekiranya siang wujud maka matahari telah terbit.

أنواع الشرطية المتصلة باعتبار السور

السور هو اللفظ الدال على أن تصاحب الجزأين أو عدم تصاحبهما حاصل في جميع الأحوال أو في بعض الأحوال والأوضاع أو في وضع مخصوص.

- إن دل على التصاحب أو عدمه في جميع الأحوال فهي **الكلية**.
- إن دل على التصاحب أو عدمه في بعضها فهي **الجزئية**.
- إن دل على التصاحب أو عدمه في وضع وحال خاص فهي **المخصوصة**.
- إن لم يدل على التصاحب أو عدمه في جميع الأحوال أو بعضها او في وضع خاص فهي **المهملة**.

* سور المتصلة الموجبة الكلية، مثل: كلما، مهما.
* سور المتصلة السالبة الكلية، مثل:. ليس البتة
* سور المتصلة الموجبة الجزئية، مثل:. قد يكون
* سور المتصلة السالبة الجزئية، مثل:. قد لا يكون، ليس كلما، ليس مهما

Jenis *Qadiyah Syartiyah Muttasilah* berdasarkan *Sur*

Sur adalah perkataan yang menunjukkan hubungkait antara dua bahagian ayat atau tiada hubungkait antara keduanya yang mana ia berlaku pada semua keadaan atau beberapa keadaan atau pada keadaan tertentu sahaja.

i- Sekiranya ia menunjukkan hubungkait antara dua bahagian ayat atau tiada hubungkait antara keduanya pada semua keadaan maka ia adalah *kulliyah*.

ii- Sekiranya ia menunjukkan hubungkait antara dua bahagian ayat atau tiada hubungkait antara keduanya pada beberapa keadaan maka ia adalah *juz'iyah*.

iii- Sekiranya ia menunjukkan hubungkait antara dua bahagian ayat atau tiada hubungkait antara keduanya pada semua keadaan tertentu maka ia adalah *Makhsusah.*

iv- Sekiranya ia tidak menunjukkan hubungkait antara dua bahagian ayat atau tiada hubungkait antara keduanya pada semua keadaan atau beberapa keadaan atau keadaan tertentu maka ia adalah *Muhmalah.*

* *Sur Muttasilah Mujabah Kulliyah :* كلما، مهما
* *Sur Muttasilah Salibah Kulliyah :* ليس البتة
* *Sur Muttasilah Mujabah juz'iyah. . :* قد يكون
* *Sur Muttasilah Salibah juz'iyah:* قد لا يكون، ليس كلما، ليس مهما

الشرطية المتصلة باعتبار السور أربعة: كلية، جزئية، مخصوصة، مهملة. وكل منها إما موجب أو سالب.

١ – **متصلة موجبة كلية ،** (سورها : كلما، مهما)

مثل: كلما كان هذا عنبا كان فاكهة.

٢ – **متصلة موجبة جزئية ،** (سورها : قد يكون)

مثل: قد يكون إن كان هذا حيوان كان فرسا

٣ – **متصلة سالبة كلية ،** (سورها : ليس البتة)

مثل: ليس البتة إن كانت الشمس طالعة كان الليل موجودا.

٤ – **متصلة سالبة جزئية ،** (سورها : قد لا يكون، ليس كلما، ليس مهما)

مثل: قد لا يكون إن كان هذا فاكهة كان تفاحا.

٥ – **مخصوصة موجبة،**

مثل: إن جئتني الآن أكرمتك.

٦ – **مخصوصة سالبة،**

مثل: ليس إن كان هذا الآن حيوانا كان ناطقا.

* المخصوصة في قوة الكلية

٧ – **مهملة موجبة،**

مثل: إن كان هذا حيوانا كان فرسا.

٨ – **مهملة سالبة،**

مثل: ليس إن كان هذا حيوانا كان فرسا.

* المهملة في قوة الجزئية

Qadiyah Syartiyah Muttasilah berdasarkan *sur* yang empat : *kulliyah, Juz'iyah, Makhsusah* dan *Muhmalah*.setiap satu sama ada *mujab*[10] atau *salib*[11].

1- Muttasilah Mujabah Kulliah:
contoh : Setiap kali ini adalah buah anggur maka ia adalah buahan.

2- *Muttasilah Mujabah Juz'iyah*,
contoh *:* kadang-kadang ada kalanya benda ini binatang, ada kalanya kuda.

3- *Muttasilah Salibah Kulliyah*,
contoh *:* Tidak sama sekali sekiranya matahari itu terbit, malam akan muncul.

4- *Muttasilah Salibah Juz'iyah*,
contoh *:* kadang-kadang tiada kalanya benda ini buah, ada kalanya anggur

5- *Makhusah Mujabah*,
contoh *:* Sekiranya kamu menziarahi aku sekarang, aku akan memuliakan kamu.

6- *Makhusah Mujabah*,
contoh *:* bukanlah sekiranya benda ini sekarang adalah binatang , maka ia adalah kuda.

* *Makhsusah* adalah sama maksudnya dengan *kulliyah*..

7- *Muhmalah Mujabah*,
contoh: sekiranya benda ini adalah binatang, ia adalah kuda.

8- *Muhmalah Salibah*,
contoh: bukanlah sekiranya benda ini adalah binatang, ia adalah kuda.

* *Muhmalah* adalah sama maksudnya dengan Juz'iyah.

[10] *Mujabah* – qadiyah yang tidak dalam bentuk nafi.
[11] *Salibah* – qadiyah yang dalam bentuk nafi.

٢– الشرطية المنفصلة

الشرطية المنفصلة : هي التي حكم فيها بالتنافي بين جزأيها (المقدم – التالي).

أقسام المنفصلة باعتبار التنافي بين طرفيها:

١. **مانعة الجمع** : ما حكم فيها بالتنافي بين طرفيها صدقا
– يعني أن طرفيها لا يجتمعان في شيء واحد. وقد يرتفعان،
مثل: إما أن يكون هذا الشيء عنبا أو برتقالا.

٢. **مانعة الخلو**: ما حكم فيها بالتنافي بين طرفيها كذبا
– يعني أن طرفيها لا يرتفعان وقد يجتمعان،
مثل: إما أن يكون هذا الشيء غير عنب أو غير برتقال.

٣. **مانعة الجمع والخلو** (الحقيقة) : هي التي حكم فيها بالعناد بين طرفيها صدقا وكذبا
– يعني أن طرفيها لا يجتمعان ولا يرتفعان،
مثل: إما أن يكون الجسم ساكنا أو غير ساكن.

* سميت منفصلة لوجود أداة الانفصال فيها (أو).

Qadiyah Syartiyah

Qadiyah Syartiyah Munfasilah ialah Kenyataan yang dihukumkan (kebenarannya) dengan penafian di antara dua bahagiannya (*Muqaddam* dan *Tali*).

Bahagian *Qadiyah Syartiyah Munfasilah* berdasarkan penafian di antara dua bahagiannya (*Muqaddam* dan *Tali*):

1. *Mani' jam'i*
   – kenyataan yang dihukumkan adanya pertentangan di antara muqaddam dan tali dari segi benar. Dengan maksud kedua-duanya tidak berhimpun pada sesuatu perkara dan kadang-kadang kedua-duanya tidak ada langsung,

   contoh: Sesuatu benda itu ada kalanya buah anggur dan adakalanya buah limau

2. *Mani' Khuluw*
   – kenyataan yang dihukum adanya pertentangan di antara muqaddam dan tali dari segi bohong/naïf. Dengan maksud kedua-duanya tidak hilang/lenyap dan kadang-kadang kedua-duanya berhimpun,

   contoh: Sesuatu benda itu ada kalanya bukan anggur dan ada kalanya bukan limau.

3. *Mani' Jam'I dan Khuluw*
   - kenyataan yang dihukum adanya pertentangan di antara muqaddam dan tali dari segi benar dan bohong. Dengan maksud kedua-duanya tidak berhimpun dan tidak hilang,

   contoh: Sesuatu jisim itu ada kalanya kaku dan ada kalanya tidak kaku.

* Dinamakan *Munfasilah* kerana terdapat *huruf Munfasilah* (أو) di dalam ayat tersebut.

أقسام الشرطية المنفصلة باعتبار السور

الشرطية المنفصلة باعتبار السور تكون كلية أو جزئية أو مخصوصة أو مهملة. وكل منها إما موجب أو سالب.

١ – كلية موجبة منفصلة، (سورها : دائما، أبدا)

مثل: دائما إما أن يكون الجسم ساكنا أو متحركا

٢ – كلية سالبة منفصلة ، (سورها : ليس البتة)

مثل: ليس البتة إما أن يكون هذا الشيء أبيض أو أسود.

٣ – جزئية موجبة منفصلة ، (سورها : قد يكون)

مثل: قد يكون إما أن يكون هذا إنسانا أو فرسا.

٤ – جزئية سالبة منفصلة ، (سورها : قد لا يكون، ليس دائما، ليس أبدا)

مثل: قد لا يكون إما أن يكون هذا عنبا أو فاكهة.

٥ – شخصية موجبة منفصلة ،

مثل: إما أن يكون مُحَمَّد الآن في المسجد أو في البيت.

٦ – شخصية سالبة منفصلة ،

مثل: ليس إما أن يكون هذا الآن إنسانا أو فرسا.

٧ – مهملة موجبة منفصلة ،

مثل: إما أن يكون هذا شاعرا أو كاتبا.

٨ – مهملة سالبة منفصلة ،

مثل: ليس إما أن يكون هذا شاعرا أو أديبا.

Bahagian *Qadiyah Syartiyah Munfasilah* berdasarkan *Sur*

Qadiyah Syartiyah Munfasilah berdasarkan *sur* yang empat : *kulliyah*[12], *Juz'iyah*[13], *Makhsusah*[14] dan *Muhmalah*[15].setiap satu sama ada *mujab*[16] atau *salib*[17].

1- Kulliah Mujabah Munfasilah :
contoh :
Selalu ada kalanya sesuatu benda itu kaku dan ada kalanya bergerak.

2- *Kulliah Salibah Munfasilah*
contoh *:*
Tidak sama sekali ada kalanya sesuatu benda itu putih dan ada kalanya hitam.

3- *Juz'iyah Mujabah Munfasilah*
contoh *:*
Kadang-kadang ada kalanya sesuatu itu manusia atau kuda.

4- *Juz'iyah Salibah Munfasilah*
contoh *:*
Kadang-kadang tiada kalanya buah itu anggur atau epal

5- S*akhsiyah Mujabah Munfasilah*
contoh *: Muhammad* sekarang ada kalanya di masjid dan ada kalanya di rumah.

6- *Sakhsiyah Salibah Munfasilah*
contoh *:* Tidaklah sesuatu itu ada kalanya manusia dan ada kalanya kuda

7- *Muhmalah Mujabah Munfasilah*
contoh: Orang ini ada kalanya penyair dan ada kalanya penulis.

8- *Muhmalah Salibah Munfasilah*
contoh: Tidaklah orang itu ada kalanya penyair dan ada kalanya penulis.

